

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
(BAGAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20.10.2015**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan daripada 6% GST telah mengakibatkan penurunan '*volume*' perniagaan di negara sebanyak 30% serta menyusahkan kehidupan harian pekerja biasa yang tidak cukup wang belanja. Mengapakah GST tidak dihapuskan atau dikurangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Pelaksanaan GST merupakan satu langkah penstrukturan semula sistem percukaian negara supaya lebih telus, efektif, efisien dan mesra perniagaan. GST secara asasnya mempunyai kelebihan seperti berikut:

- i. berupaya mengatasi kelemahan sistem cukai terdahulu (cukai jualan dan cukai perkhidmatan) yang mempunyai elemen cukai atas cukai, isu pindahan harga dan tiada pelepasan cukai ke atas eksport;
- ii. berupaya meningkatkan pematuhan cukai dan kecekapan sistem ini dapat membantu menjimatkan kos dan seterusnya dapat menggalakkan simpanan dan pelaburan bagi pembangunan yang mapan; dan
- iii. mampu menjana hasil yang lebih stabil dan berkembang selaras dengan pembangunan ekonomi.

Kelebihan yang terdapat di dalam sistem GST ini telah terbukti di mana lebih 160 buah negara telah melaksanakan GST. Ini bermakna GST secara

amnya tidak membebankan rakyat dan merupakan suatu sistem mesra peniaga.

Di dalam melaksanakan GST, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dalam memastikan GST berjalan lancar. Aktiviti pengambilan keuntungan secara berlebihan oleh peniaga dapat dikendalikan dengan baik melalui penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Pelbagai program telah dijalankan dengan melibatkan pelbagai agensi Kerajaan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dengan kerjasama beberapa badan bukan Kerajaan termasuklah persatuan pengguna.

Dari segi kadar GST pula, ianya telah ditetapkan pada kadar 6% yang merupakan kadar terendah di ASEAN. Pelbagai barang dikenakan GST pada kadar sifar seperti beras, gula, tepung, sayuran, daging, ayam. Sementara itu, pelbagai perkhidmatan dikecualikan dari GST seperti perkhidmatan pengangkutan awam, pendidikan dan kesihatan, serta pembelian dan penyewaan rumah kediaman. Selain itu, jualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG juga diberikan pelepasan daripada

GST. Kerajaan juga telah memperkenalkan pakej bantuan khusus untuk meringankan bebanan kepada golongan berpendapatan rendah dengan memberi bantuan tunai sebanyak RM300 kepada semua penerima BR1M.

Dakwaan bahawa pelaksanaan GST akan menurunkan *volume* perniagaan juga adalah tidak benar kerana GST bukan merupakan kos kepada perniagaan. Ini disebabkan sistem GST yang dilaksanakan di Malaysia tidak membebankan golongan peniaga kerana GST yang dibayar di peringkat input boleh dituntut sebagai kredit daripada Kerajaan melalui mekanisme tuntutan kredit cukai input.

Sebagai kesimpulan, pelaksanaan GST telah berjalan dengan baik mulai 1 April 2015. Setelah lebih enam bulan pelaksanaannya, secara amnya rakyat telah dapat memahami matlamat pelaksanaan GST oleh Kerajaan yang mana GST dapat menjana hasil yang stabil selaras dengan perkembangan ekonomi dan berkeupayaan untuk membiayai projek pembangunan negara secara mapan.